PERUTUSAN GABENOR

Beberapa perkembangan penting dengan implikasi yang luas telah berlaku pada tahun 2015. Pemulihan ekonomi global kekal sederhana, dalam keadaan perdagangan dunia yang semakin perlahan, pertumbuhan ekonomi sedang pesat membangun yang sederhana dan kebimbangan yang berterusan terhadap daya tahan pemulihan ekonomi dalam kalangan ekonomi maju. Keadaan ini berlatarkan landskap dasar global yang berubah-ubah, dengan dasar monetari di Amerika Syarikat kembali semula kepada keadaan yang wajar dan ekonomi utama lain meneruskan pelonggaran dasar, di samping kejatuhan harga tenaga yang berpunca daripada perubahan jangka masa pendek dan perubahan struktur dalam keadaan penawaran dan permintaan global. Gabungan semua perkembangan ini telah mendorong peralihan besar dalam aliran modal serta menyebabkan turun naik yang lebih ketara dalam pasaran kewangan antarabangsa.

Dalam tempoh terdekat, semua perkembangan ini akan terus berlaku dan persekitaran global dijangka terus mengalami ketidakpastian yang tinggi. Sambil kita melangkah lebih jauh ke hadapan, penting untuk menyedari bahawa landskap global telah mengalami pelbagai perubahan asas dan keadaan ini tidak akan kembali kepada keadaan yang pernah dialami pada dekad-dekad yang terdahulu. Cabaran untuk mencapai pertumbuhan global yang lebih mampan akan semakin bergantung pada usaha-usaha untuk lebih berupaya menyesuaikan keadaan ekonomi dengan landskap yang telah berubah di seluruh ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun.

Berikutan tahap keterbukaan ekonomi Malaysia yang tinggi dan integrasi dengan sistem kewangan antarabangsa yang semakin bersepadu, ekonomi dalam negeri telah dipengaruhi dengan ketara oleh perkembangan global dan serantau. Namun, meskipun menghadapi cabaran-cabaran ini, ekonomi Malaysia telah berjaya menempuh semua perkembangan ini pada tahun 2015, sekali gus mengekalkan pertumbuhan yang membanggakan. Yang penting, prospek pertumbuhan ekonomi masih stabil. Daya tahan yang mendasari ekonomi Malaysia bagi menghadapi persekitaran semasa yang sukar ini adalah hasil daripada kekukuhan yang berterusan dalam asas-asas ekonomi dan hasil daripada langkah-langkah pelarasan dan pembaharuan struktur yang telah dilaksanakan sepanjang beberapa dekad yang lalu. Satu aspek utama daripada langkah-langkah ini ialah pempelbagaian struktur ekonomi negara daripada terlalu bergantung pada eksport kepada pembangunan sumber-sumber pertumbuhan dalam negeri yang baharu. Perkembangan ini telah mengurangkan kebergantungan ekonomi secara keseluruhan pada hanya satu sumber pertumbuhan dan dengan itu, kita tidak mudah terjejas kepada kejutan mana-mana industri tertentu.

Selain itu, pertumbuhan telah menjadi lebih seimbang, diterajui oleh permintaan dalam negeri yang dipacu oleh sektor swasta yang mampan dan sebahagiannya diperkukuh oleh beberapa siri langkah yang dilaksanakan dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk

membendung lebihan dan ketidakseimbangan. Sistem kewangan juga merupakan tunggak utama kekuatan ekonomi Malaysia. Meskipun pasaran kewangan domestik dan kadar pertukaran ringgit dipengaruhi oleh peralihan besar dalam aliran modal, namun, sistem kewangan yang lebih berdaya tahan dan maju, berserta dengan paras rizab antarabangsa yang kekal tinggi dan tahap keberhutangan luar negeri yang terurus, telah memperkukuh keupayaan ekonomi negara untuk menghadapi kejutan luaran. Keadaan ini telah memastikan bahawa pengantaraan kewangan terus berfungsi tanpa gangguan.

Di dalam negeri, ekonomi Malaysia terus melalui tempoh pelarasan, dengan pelaksanaan pembaharuan fiskal yang berterusan. Pembaharuan ini adalah penting dan memainkan peranan utama untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. Walau bagaimanapun, buat sementara waktu, pelarasan dalam negeri ini di samping kesan kadar pertukaran ringgit yang lebih lemah telah memberikan kesan terhadap kos sara hidup isi rumah, khususnya bagi segmen pendapatan yang lebih rendah. Namun, memandangkan usaha-usaha ini diperkenalkan dalam persekitaran harga komoditi global yang lebih rendah dan inflasi global yang pada amnya lemah, maka kadar inflasi keseluruhan dijangka kekal terurus. Di samping itu, untuk mengurangkan beberapa kesan negatif daripada pelarasan ini, pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk menyokong segmen yang mudah terjejas dalam ekonomi. Kemajuan yang dicapai dalam usaha memajukan rangkuman kewangan, selain mekanisme yang dilaksanakan oleh Bank untuk memberikan bantuan kepada isi rumah dan perniagaan yang mengalami masalah kewangan, telah menyumbang ke arah mengurangkan kelemahan segmen masyarakat ini dalam tempoh ekonomi yang sukar.

Berdepan dengan persekitaran yang lebih mencabar ini, Bank terus memberikan tumpuan pada usaha memelihara kestabilan monetari dan sistem kewangan. Daya tahan ekonomi dan kewangan yang telah terbina sejak beberapa dekad yang lalu menjadi tunggak kestabilan dalam tempoh yang sukar ini. Daya tahan ini telah mengetepikan keperluan untuk terlalu bergantung pada satu pilihan dasar sahaja, lantas menyediakan ruang bagi pengurusan ekonomi yang bersifat pencegahan awal dan berpandangan ke hadapan. Pada masa ini, keutamaan dasar Bank tertumpu pada dua perkara, iaitu untuk mengatasi kelemahan dalam jangka masa terdekat, dan untuk terus menyediakan persekitaran yang menyokong pertumbuhan yang mampan. Bagi memastikan keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan berikutan tempoh aliran keluar bersih, Bank terus menyediakan mudah tunai kepada sistem perbankan dengan melaksanakan beberapa langkah komprehensif. Operasi monetari diperkukuh dan dipertingkat melalui pengenalan beberapa instrumen baharu. Langkah ini disokong pengurangan dalam Keperluan Rizab Berkanun yang dilaksanakan baru-baru ini. Berikutan perkembangan luar dan dalam negeri yang terus mempengaruhi kadar pertukaran ringgit, usaha juga telah ditumpukan ke arah memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing. Selaras dengan kestabilan harga dan kemampanan prospek pertumbuhan keseluruhan, dasar monetari terus stabil dan kekal akomodatif serta menyokong aktiviti ekonomi.

Dalam jangka masa sederhana, Malaysia dijangka terus menghadapi cabaran yang besar. Selain menguruskan risiko kepada kestabilan makroekonomi dan kewangan yang timbul daripada ketidakpastian luaran, tumpuan perlu terus diberikan pada usaha membina daya tahan masa hadapan. Pada masa yang sama, tindakan segera perlu diambil untuk mempercepat peralihan ekonomi kepada ekonomi bernilai

tambah lebih tinggi dan berpendapatan tinggi serta mengelak daripada terjebak dalam perangkap ekonomi berpendapatan sederhana. Untuk mencapai tujuan ini, tiga anjakan utama diperlukan. Pertama ialah mempercepat peralihan yang dipacu oleh sektor swasta ke arah peningkatan produktiviti dan inovasi, serta mengurangkan kebergantungan pada pengumpulan faktor dan pengeluaran bernilai rendah untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Kedua, memperkukuh integrasi ekonomi Malaysia dengan ekonomi global berikutan landskap antarabangsa yang baharu dan berubah-ubah, dengan memberikan tumpuan pada bidang baharu yang mempunyai kelebihan berbanding (comparative advantage) dan memanfaatkan peluang bidang pertumbuhan baharu. Ketiga ialah mengukuhkan lagi infrastruktur institusi dan fizikal sedia ada untuk mewujudkan persekitaran yang diperlukan oleh ekonomi moden dalam persekitaran yang cepat berubah. Meskipun menghadapi cabaran ini, Malaysia mempunyai sepenuh potensi untuk beralih kepada ekonomi bernilai tambah lebih tinggi dan berpendapatan tinggi pada masa hadapan.

Pada tahun 2015, beberapa pencapaian penting dilakarkan ke arah pengukuhan integrasi ekonomi serantau. Yang paling menyerlah ialah penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Bagi integrasi kewangan serantau, pelancaran Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ABIF) telah meletakkan asas untuk sistem perbankan yang lebih bersepadu di rantau ini. Integrasi kewangan di negara-negara ASEAN mempunyai tujuan inklusif yang dapat memanfaatkan semua segmen masyarakat. Oleh itu, rangkuman kewangan dimartabatkan sebagai keutamaan dasar di rantau ini. Pada masa hadapan, momentum proses integrasi kewangan ASEAN dijangka terus meningkat menerusi matlamat Rangka Tindakan AEC 2025. Pelan ini menyediakan asas untuk memajukan lagi integrasi kewangan sepanjang dekad akan datang di samping mempertingkat rangkuman kewangan dan memelihara kestabilan kewangan. Selain itu, bank pusat serantau juga kekal komited untuk memastikan kestabilan makroekonomi dan kewangan serantau menerusi pelbagai platform kerjasama yang lain seperti ASEAN+3, Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) dan Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN).

Selain kemajuan yang dicapai di bawah ASEAN, penyertaan Malaysia dalam perjanjian perdagangan bebas antarabangsa seperti Perkongsian Trans-Pasifik dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau akan mendorong peningkatan produktiviti dan keperluan perubahan struktur dalam ekonomi, serta menyokong pembangunan Malaysia dalam jangka masa lebih panjang. Perjanjian ini akan memupuk persaingan, mewujudkan akses pasaran, menggalakkan ketelusan dan amalan tadbir urus yang baik, di samping mengukuhkan kesalinghubungan perdagangan dan kewangan antara Malaysia dengan negara lain di dunia.

Pada tahun 2015, Bank terus menjalani transformasi dan pemodenan organisasi supaya kekal relevan dan efektif dalam pengurusan bagi menghadapi cabaran baharu. Bank kini berdiri atas landasan yang kukuh susulan beberapa siri transformasi organisasi yang melebihi satu dekad. Secara khususnya, sepanjang 15 tahun yang lalu, lebih daripada sepuluh undang-undang utama yang mengawal selia bank pusat dan industri kewangan telah diperkenalkan, termasuk Akta Bank Negara Malaysia 2009. Sepadan dengan kuasa baharu yang diperuntukkan kepada Bank, rangka kerja kebertanggungjawaban dan struktur tadbir urus telah dipertingkat dan diinstitusikan dengan nyata. Sehubungan dengan itu, peranan pengawasan oleh Lembaga Pengarah telah diperkukuh dalam bidang pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir

urus. Akta Bank Negara Malaysia 2009 juga menginstitusikan kebebasan dasar monetari yang telah wujud sejak penubuhan Bank pada tahun 1959. Pada tahun 2015, ahli luar Bank yang baharu telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Dasar Monetari, justeru menambah gabungan kepelbagaian dari segi pengalaman, kepakaran dan pengetahuan. Rangka kerja tadbir urus yang mantap juga memastikan keputusan dasar Bank dibuat mengikut tahap profesionalisme dan kewibawaan yang tertinggi, dan sentiasa menjaga kepentingan negara.

Melangkah ke hadapan, saya yakin kedudukan Bank adalah amat kukuh. Yang penting, asas keinstitusian Bank dibina atas keupayaan tenaga mahirnya. Bank amat menitikberatkan pelaburan dalam pembangunan tenaga mahir secara berterusan untuk memastikan tenaga mahirnya sentiasa dilengkapkan dengan set kemahiran perbankan pusat yang terbaik serta berkaliber. Usaha-usaha pembangunan tenaga mahir dan kepimpinan disokong oleh strategi tenaga mahir yang mantap, perancangan penggantian dan ganjaran berasaskan prestasi. Bank menerapkan budaya berprestasi tinggi dengan rasa kebertanggungjawaban yang mantap. Dalam budaya korporat Bank, terdapat matlamat bersama iaitu untuk berkhidmat demi negara, komited terhadap tanggungjawab, dan mendukung tradisi integriti yang berkekalan. Bank juga telah melalui transformasi sejak beberapa tahun yang lalu daripada kesepaduan menegak (vertically integrated) kepada jalinan kerjasama agar mendapat manfaat daripada kepelbagaian kepakaran di Bank. Ini membolehkan sumber dan tenaga organisasi dioptimumkan dan diselaraskan ke arah hasil strategik bagi memastikan hasil terbaik dicapai. Etos kerja Bank juga memerlukan pengurusan risiko yang baik, memandangkan dasar Bank yang mempunyai banyak implikasi dan kesan.

Dedikasi yang ditunjukkan oleh Bank untuk mengekalkan piawaian kecemerlangan yang tinggi telah menyediakan persekitaran yang kondusif untuk prestasi. Profesionalisme dan kepakaran kakitangan Bank, berserta hasil dan peranan yang jelas telah membolehkan Bank untuk sentiasa memenuhi mandat yang telah diamanahkan, meskipun berdepan dengan cabaran dari dalam dan luar negeri. Bagi pihak Lembaga dan pengurusan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kakitangan Bank atas dedikasi dan komitmen mereka untuk memenuhi mandat Bank. Saya juga merakamkan penghargaan kepada Lembaga Pengarah atas sokongan dan bimbingan mereka yang berterusan. Sebagai sebuah organisasi yang terus berusaha ke arah kecemerlangan perkhidmatan demi kepentingan terbaik negara, saya amat yakin bahawa daya tahan dan keupayaan institusi yang dibina selama ini telah memantapkan Bank untuk maju ke hadapan dengan sepenuh potensi bagi memberikan khidmat terbaik pada tahun-tahun akan datang.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
23 Mac 2016